

Pemusatkan kuasa PM jadi polemik lantik ahli JAC, hakim

● Campur tangan eksekutif dilihat boleh mempengaruhi keputusan mahkamah, pemilihan hakim, keputusan hakim hingga menimbulkan persepsi negatif rakyat terhadap mahkamah

● Pembabitan eksekutif atau legislatif dianggap tidak bertentangan prinsip kebebasan kehakiman, dengan syarat pelantikan dan kenaikan hakim dinilai badan dianggotai hakim dan wakil profesion guaman

Oleh Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud
bhrenanca@bh.com.my

Baru-baru ini Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, mengeluarkan kenyataan selepas mesyuarat Majlis Raja-Raja bahawa keahlian Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) harus dikaji semula supaya wakil dari Majlis Peguam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dilantik ke dalam suruhanjaya terbabit

Sejak merdeka, Yang di-Pertuan Agong melantik hakim mahkamah tertinggi dengan nasihat Perdana Menteri. Perdana Menteri menjalankan proses konsultansi dengan Ketua Hakim Negara dan Majlis Raja-Raja.

Tahun 2009 pula ialah tahun signifikan dalam sejarah kehakiman apabila Perlembagaan dipinda dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 diluluskan.

Proses lantikan hakim berubah dengan mewujudkan JAC untuk memastikan proses lantikan lebih telus dan adil. Namun, kuasa akhir lantikan masih di tangan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Bertitik-tolak daripada prinsip Perlembagaan bawah Yang di-Pertuan Agong terikat dengan nasihat Perdana Menteri, keputusan sebenar masih bergantung kepada keputusan Perdana Menteri memilih hakim di mahkamah tertinggi. Konsultansi itu dianggap tidak mengikat Perdana Menteri.

Isu ditimbulkan sebenarnya memaparkan dua soal pokok. Pertama, wajarkah badan eksekutif turus terbabit dalam lantikan hakim? Kedua, adakah keahlian suruhanjaya itu tidak menunjukkan ia sebuah entiti bebas menjalankan peranan semak dan imbang terhadap kuasa eksekutif melantik hakim?

Empat cara lantikan hakim

Terdapat sekurang-kurangnya empat cara lantikan hakim diamalkan di seluruh dunia, iaitu lantikan oleh ketua negara atau badan eksekutif, lantikan oleh badan Perundangan atau Parlimen, lantikan melalui pilihan raya dan lantikan oleh Jawatan-kuasa atau suruhanjaya khas.

Maka, hujah utama menolak kuasa badan eksekutif dalam pelantikan hakim ialah untuk memelihara kebebasan mahkamah.

Ini kerana, campur tangan eksekutif dilihat boleh mempengaruhi keputusan mahkamah; hakim boleh dikawal selia dan diperalatkan ahli politik; keputusan hakim boleh menjadi berat sebelah; dan paling utama prinsip keadilan diwarnai campur tangan politik dan menimbulkan persepsi negatif

rakyat terhadap mahkamah.

Persepsi ini akan mengurangkan keyakinan rakyat kepada mahkamah dan mencalar reputasi sistem keadilan negara dan menyebabkan pelabur asing hilang kepercayaan kepada sistem yang ada di negara kita.

Pada masa sama mahkamah juga dibimbangi boleh disalah guna untuk tujuan kelangsungan politik dan kepentingan kerajaan semasa.

Kesimpulannya, badan kehakiman melaksanakan semak dan imbang paling berkesan di bawah Perlembagaan hendaklah bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Terdapat dua jenis keahlian dalam JAC, ahli tetap terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Lima ahli lantikan Perdana Menteri iaitu seorang hakim Mahkamah Persekutuan dan empat orang lagi bukan daripada badan eksekutif selepas berunding dengan majlis dan persatuan peguam, Peguam Negara dan badan berkaitan.

Empat orang ahli lantikan Perdana Menteri sekarang ialah dua orang bekas hakim, seorang bekas peguam besar dan seorang ahli akademik dalam bidang undang-undang. Jelas, keahlian JAC kesemuanya masih atau pernah bertugas dalam profesion undang-undang.

Persepsi yang mungkin wujud ialah ahli lantikan Perdana Menteri mempunyai pengaruh besar dalam suruhanjaya dan dapat menguasai keputusan akhir JAC. Perdana Menteri juga boleh menamatkan keahlian empat ahli lantikan beliau tanpa sebab.

Individu tiada kaitan kepentingan negara

Untuk memastikan wujud unsur semak dan imbang antara ahli lantikan Perdana Menteri dan ahli tetap lain, mereka yang dilantik harus tiada kaitan dan kepentingan dengan kerajaan.

Adua persepsi timbul iaitu kemasukan wakil majlis dan persatuan peguam dapat mengimbangi calon dikatakan prokerajaan daripada dilantik sebagai hakim.

Persepsi kedua pula, kemasukan wakil majlis peguam akan mengutamakan calon hakim propembangkang dan berpegangan liberal. Secara objektifnya, jika JAC menambah tiga lagi ahli, JAC masih lagi dikuasai mereka daripada badan kehakiman dan juga mantan hakim mempunyai suara majoriti.

Dari sisi positif, wakil profesion perundangan dapat memberi perspektif profesional seseorang calon akan dilantik dan akan dinaikkan pangkat. Mereka boleh memberikan pandangan membina berdasarkan pengalaman mereka sebagai pengamal undang-undang.

Perlu diingat JAC hanya memberi senarai akhir calon dicadangkan supaya dilantik sebagai hakim atau akan dinaikkan pangkat ke mahkamah lebih

tinggi. Keputusan akhir ialah tertakluk kepada Perdana Menteri.

Dalam hal ini, pengkritik menekankan Perdana Menteri seharusnya tidak mempunyai apa-apa peranan dalam pelantikan hakim kerana ia meninggalkan pengaruh eksekutif kuat terhadap mahkamah.

Namun ada pandangan pembabitan badan eksekutif atau badan legislatif tidak bertentangan dengan prinsip kebebasan kehakiman, dengan syarat pelantikan dan kenaikan hakim dinilai sebuah badan dianggotai majoritinya hakim dan wakil profesion guaman.

Pilih secara merit, tiada elemen kepentingan

Apa yang ingin ditekankan ialah pemilihan hakim dibuat secara merit dan tiada elemen kepentingan mana-mana pihak.

Justeru, boleh difikirkan supaya Perdana Menteri menerima sahaja senarai calon disediakan JAC dan menasihati Yang di-Pertuan Agong melantik berdasarkan senarai itu.

Mengikut Akta 2009, JAC hendaklah menyenaraikan tiga nama bagi setiap kekosongan Mahkamah Tinggi dan dua nama bagi setiap kekosongan di mahkamah lebih tinggi. Dari sinilah berlaku pemilihan di peringkat Perdana Menteri.

Bagi lantikan sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan serta hakim besar Semenanjung dan Sabah dan Sarawak, Perdana Menteri boleh meminta JAC menyenaraikan dua nama lagi.

Di peringkat ini juga wujud budi bicara Perdana Menteri sebelum menyampaikan nasihat beliau kepada Yang di-Pertuan Agong.

Dua perkara pokok dibincangkan ialah keanggotaan JAC dan kedua mengenai pembabitan Perdana Menteri dalam melantik hakim mahkamah tertinggi di Malaysia.

Menambah ahli dalam JAC untuk mengurangkan persepsi wujud pengaruh badan eksekutif melalui ahli lantikan Perdana Menteri dalam JAC juga boleh difikirkan.

Wujud juga keperluan melantik seorang ahli dari luar profesion undang-undang untuk memberi perspektif lebih luas mengenai calon akan dipilih sebagai hakim mahkamah tertinggi.

Peranan Perdana Menteri boleh dikurangkan di peringkat terakhir dalam proses lantikan iaitu hadkan hanya sekali Perdana Menteri boleh menolak senarai dikemukakan JAC kepada beliau.

Lebih drastik, senarai calon dihantar terus kepada Yang di-Pertuan Agong tanpa perlu melalui Perdana Menteri namun, apapun pilihannya, peruntukan Perlembagaan perlu dipinda.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH